



MOD.100-2/1/2 Jld 7 () 05/04

KEMENTERIAN PERTAHANAN SANTUNI VETERAN ATM MACHAP JAYA

1. **MELAKA, 10 April 2026** – Timbalan Menteri Pertahanan, **YB Adly bin Zahari** telah melaksanakan Program Peduli Veteran MADANI (PVM) 2026 melalui kunjungan kebajikan ke atas veteran ATM di sekitar Daerah Machap Jaya, Durian Tunggal dan Alor Gajah.
2. PVM adalah antara inisiatif utama Kementerian Pertahanan (MINDEF) yang digerakkan melalui Jabatan Hal Ehwal Veteran ATM (JHEV ATM) bagi memastikan kesejahteraan warga veteran ATM dan keluarga. Program ini adalah merupakan siri jelajah yang berterusan sebagai kaedah menyantuni veteran ATM yang banyak berjasa kepada keamanan dan kesejahteraan negara.
3. Sepanjang lawatan, YB Timbalan Menteri Pertahanan (Timbalan MENHAN) telah bertemu dengan 15 veteran ATM asnaf, balu dan ahli keluarga OKU (Orang Kurang Upaya). Selain bertanya khabar, turut disampaikan pelbagai bentuk bantuan seperti peralatan pesakit, bantuan baik pulih rumah, inisiatif penghargaan melalui penganugerahan Pingat Jasa Malaysia (PJM) serta 500 Bakul Rahmah yang turut diedarkan kepada persatuan-persatuan veteran ATM cawangan Melaka.
4. Inisiatif PVM bertindak sebagai medan untuk interaksi secara dua hala antara MINDEF dan Veteran ATM melibatkan 5 fokus utama, iaitu kebajikan, kesihatan, perumahan, pendidikan dan pemerikasaan ekonomi. Sebagai contoh, bagi fokus kebajikan, sehingga 31 Mac 2026, MINDEF melalui JHEV ATM telah menyalurkan Bantuan Sara Hidup (BSH) kepada **33,466** veteran ATM serta balu dengan jumlah terkumpul perbelanjaan sebanyak **RM47.7 juta**.
5. Turut hadir sepanjang program berlangsung ialah Ketua Pengarah JHEV ATM; Mejar Jeneral Dato' Haji Semaon bin Haji Marjuki, Pengarah JHEV ATM Cawangan Melaka dan Negeri Sembilan; Mejar Muhammad Zarifi bin Haji Tumin, Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Veteran ATM; Leftenan Kolonel Aswadi bin Jamian (Bersara), Yang Dipertua Persatuan Veteran ATM Negeri Melaka; Datuk Seri Haji Mohamad Fazil bin Haji Shafie serta ahli-ahli persatuan veteran ATM Negeri Melaka.

-TAMAT-

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“PERTAHANAN NEGARA, TANGGUNGJAWAB BERSAMA”